

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR

KAWASAN : TANJONG KARANG

TARIKH BAHAS : 23 MAC 2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 25

SOALAN

Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [TANJONG KARANG] minta MENTERI PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan pencapaian pelaburan di setiap negeri untuk tahun 2014 dari segi pelabur domestik dan pelabur luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2014, jumlah pelaburan keseluruhan adalah bernilai RM235.9 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 7.5 peratus dari tahun 2013. Jumlah pelaburan ini merangkumi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, sektor perkhidmatan dan sektor utama (pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi). Pelaburan tersebut melibatkan 5,942 projek dan akan menjana 178,365 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM171.3 bilion atau 72.6 peratus adalah pelaburan domestik, manakala RM64.6 bilion atau 27.4 peratus merupakan pelaburan langsung asing.

Pelaburan di dalam sektor perkilangan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM71.8 bilion. Ianya melibatkan 811 projek yang berpotensi mewujudkan sebanyak 78,343 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM32.2 bilion atau 44.9 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM39.5 bilion atau 55.1 peratus adalah pelaburan langsung asing.

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, empat buah negeri dengan jumlah pelaburan tertinggi bagi tahun 2014 adalah Johor, Sarawak, Pulau Pinang dan Selangor:

- Negeri Johor telah mencatat jumlah pelaburan tertinggi, iaitu sebanyak RM21.2 bilion, dimana RM13.3 bilion merupakan pelaburan domestik dan RM7.9 bilion adalah pelaburan langsung asing;
- Manakala Sarawak telah menerima pelaburan sebanyak RM9.6 bilion, dimana pelaburan domestik berjumlah RM1.2 bilion dan pelaburan langsung asing berjumlah RM8.4 bilion;
- Pulau Pinang mencatat pelaburan sebanyak RM8.2 bilion di mana pelaburan domestik berjumlah RM3 bilion dan pelaburan langsung asing sebanyak RM5.1 bilion; dan
- Selangor pula mencatat jumlah pelaburan sebanyak RM7 bilion, dimana RM3.8 bilion meliputi pelaburan domestik dan RM3.2 bilion adalah pelaburan langsung asing.

Butiran terperinci pelaburan domestik dan asing mengikut negeri bagi tahun 2014 di dalam sektor perkilangan adalah seperti di Lampiran 1.

**PELABURAN DOMESTIK DAN ASING MENGIKUT NEGERI DI
DALAM SEKTOR PERKILANGAN BAGI TAHUN 2014**

| Negeri | Pelaburan Domestik (RM juta) | Pelaburan Asing (RM juta) | Jumlah Pelaburan (RM juta) |
|-----------------|------------------------------------|---------------------------------|----------------------------------|
| Johor | 13,310 | 7,866 | 21,176 |
| Sarawak | 1,238 | 8,402 | 9,640 |
| Pulau Pinang | 3,049 | 5,114 | 8,162 |
| Selangor | 3,837 | 3,205 | 7,042 |
| Kedah | 768 | 4,517 | 5,285 |
| Pahang | 280 | 4,920 | 5,200 |
| Melaka | 2,688 | 1,831 | 4,520 |
| Negeri Sembilan | 984 | 2,111 | 3,095 |
| Sabah | 2,370 | 548 | 2,918 |
| Perak | 1,321 | 387 | 1,708 |
| Terengganu | 892 | 676 | 1,568 |
| Kelantan | 1,243 | 0 | 1,243 |
| Perlis | 213 | 0 | 213 |
| Kuala Lumpur | 35 | 14 | 49 |
| Labuan | 33 | 0 | 33 |
| Jumlah | 32,261 | 39,591 | 71,851 |

Sumber : MIDA